# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Waktu Berkuat kuasa** | **24 Jam** | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas** | **Pergerakan Penduduk** | **Dibenarkan dengan bersyarat** |

## Aktiviti dibenarkan

- Perkhidmatan Perlu (*Essential Services*)
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan
- Mendapatkan Rawatan Kesihatan

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan dalam kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD
- Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD

## Arahan Tetap

- Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah PBT

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawasan yang Terlibat | Kawasan yang diisytiharkan oleh Pegawai Yang Diberi Kuasa sama ada daerah atau kawasan bersasar seperti kampung, taman perumahan, rumah pangsa/kondominium, premis dan lokaliti. |
| Tempoh Berkuat kuasa | Berdasarkan tarikh dan tempoh masa yang diisytiharkan oleh Pegawai Yang Diberi Kuasa |
| Kawalan Pergerakan | • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM & RELA.<br>• Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, adalah dibenarkan tetapi perlu mengemukakan permohonan pergerakan kepada pihak berkuasa. |
| Larangan Aktiviti Dalam Kawasan PKPD | • Semua pergerakan di dalam Kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM tidak dibenarkan.<br>• Semua aktiviti perniagaan termasuk restoran, pasaraya, kedai runcit, pasar harian/tani/malam **tidak dibenarkan beroperasi kecuali PKPD diisytiharkan secara pentadbiran**. Sumber makanan dan keperluan asas akan disalurkan oleh pihak Kerajaan. |
| Kelonggaran Aktiviti Dalam Kawasan **PKPD** | • Restoran, kedai makan, kedai runcit dan kedai serbaneka dibenarkan beroperasi antara 8.00 pagi hingga 8.00 malam.<br>• Pembelian makanan hanya menggunakan kaedah *take – away* sahaja.<br>• Hanya seorang dari sebuah rumah sahaja dibenarkan untuk keluar bagi tujuan mendapatkan bekalan makanan / keperluan keluarga.<br>• Waktu operasi stesyen minyak antara 8.00 pagi – 8.00 malam sahaja.<br>• Operasi pasar harian adalah antara 6.00 pagi – 2.00 petang sahaja.<br>• Operasi pasar malam dan pasar tani adalah tidak dibenarkan.<br>• Perniagaan bukan perkhidmatan perlu hendaklah ditutup. |

# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

## Aktiviti dibenarkan

- Perkhidmatan Perlu (*Essential Services)*
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan
- Mendapatkan Rawatan Kesihatan

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan dalam kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD
- Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD

## Arahan Tetap

- Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah PBT

**Waktu Berkuat kuasa** | **24 Jam**

**Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas**

**Pergerakan Penduduk** | **Dibenarkan dengan bersyarat**

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Perkhidmatan Perubatan/Kesihatan | Waktu operasi farmasi, klinik dan hospital kerajaan dan swasta dibenarkan secara 24 jam. |
| Aktiviti Pekerjaan | • Penduduk yang bekerja tidak dibenarkan untuk keluar dari kawasan dan tidak boleh bekerja sepanjang tempoh PKPD. Majikan hendaklah mematuhi perintah ini dan membenarkan pekerja bercuti atau bekerja dari rumah (*work from home)*.<br>• Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (*essential services*) dan menjalankan tugas rasmi kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah.<br>• Kebenaran untuk bekerja hanya dengan kelulusan pihak berkuasa. |
| Premis Sosial dan Pendidikan | Masjid, rumah ibadat, IPT, sekolah, taska, pusat jagaan kanak – kanak dan premis sosial dan pendidikan yang lain adalah ditutup. |